

## E-SOL GEL

Erythromycin 4%, Tretinoin 0.025%

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan E-SOL GEL
2. Bagaimana E-SOL GEL berfungsi
3. Sebelum menggunakan E-SOL GEL
4. Cara menggunakan E-SOL GEL
5. Semasa menggunakan E-SOL GEL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan E-SOL GEL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

### Apakah kegunaan E-SOL GEL

Merawat jerawat.

### Bagaimana E-SOL GEL berfungsi

E-sol ialah gel mengandungi bahan-bahan aktif berikut: Erythromycin and Tretinoin. Erythromycin adalah antibiotik yang membunuh kuman yang terdapat dalam jerawat dan mengurangkan keradangan kulit anda. Tretinoin adalah agen yang mengubah pembaharuan sel kulit yang tidak normal.

### Sebelum menggunakan E-SOL GEL

#### -Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah kepada mana-mana komponen dalam E-SOL GEL
- jika anda mempunyai kanser kulit yang dikenali cutaneous epithelioma atau mempunyai sejarah keluarga yang pernah menghidapinya.
- Jika kulit anda menghadapi selaran matahari.
- jika anda menggunakan sebarang ubat lain pada kulit anda yang boleh menyebabkan iritasi kulit cth. pengelupasan
- jika anda mengalami ekzema akut, rosacea (penyakit kulit yang menjejaskan muka dan dicirikan oleh kemerahan, jerawat dan mengelupas) atau keadaan keradangan akut pada kulit, terutamanya di sekitar mulut.

- jika anda hamil
- jika anda merancang kehamilan

#### -Sebelum mula menggunakan

- Untuk kegunaan luar sahaja. Penggunaan yang berlebihan perlu dielakkan.
- Pendedahan terhadap sinaran matahari yang melampau, termasuk dengan cahaya lampu, perlu dielakkan semasa menggunakannya, atau krim pelindung cahaya yang efektif perlu digunakan.
- Penggunaan kosmetik boleh digunakan, tetapi pada bahagian yang dirawat perlu dibersihkan sepenuhnya sebelum ubat ini diaplikasikan.
- Jangan gunakan E-sol Gel jika anda hamil atau berfikir untuk hamil. Doktor anda boleh memberi anda lebih banyak maklumat.

#### Jika mengambil ubat-ubat lain

Gel E-Sol tidak boleh digunakan serentak dengan ubat kulit lain terutamanya yang mengandungi agen keratolitik, kerana ini boleh memburukkan lagi sebarang iritasi kulit yang ada.

### Cara menggunakan E-SOL GEL

#### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada bahagian berkenaan dalam lapisan yang nipis sekali sehari pada waktu petang.

#### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

#### -Berapa lama perlu digunakan

E-SOL GEL hendaklah digunakan seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda  
Tempoh penggunaan bergantung pada keadaan kulit dan tidak boleh melebihi 12 minggu.

#### - Jika terlupa menggunakannya

Jika anda terlupa untuk menggunakan gel, gunakan secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kemerahan, kulit mengelupas, atau ketidakselesaan kulit mungkin berlaku.

### Semasa menggunakan E-SOL GEL

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Dinasihatkan mengguna krim ini seperti yang dinyatakan pada label atau mengikuti arahan doktor atau ahli farmasi.

Hentikan penggunaan E-SOL GEL dengan segera jika didapati sensitiviti atau iritasi selepas menggunakannya. Elakkan pendedahan kepada cahaya UV termasuk matahari dan lampu matahari ultraungu.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menyentuhkan krim dengan mata anda atau simpan di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak. Jangan menelan krim ini, jika kejadian tersebut berlaku, lavaj gastrik perlu dilakukan serta-merta.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

#### Memandu dan mengendalikan jentera

Tiada kesan ke atas keupayaan untuk memandu dan menggunakan mesin apabila ubat ini digunakan.

#### **Kesan-kesan sampingan**

E-SOL GEL boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan E-SOL GEL dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut: kemerahan kulit, melepuh, ruam, demam, sakit tekak atau iritasi mata

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to

## E-SOL GEL

Erythromycin 4%, Tretinoin 0.025%

---

*Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].*

### **Cara penyimpanan dan pelupusan E-SOL GEL**

#### - Penyimpanan

Simpan dalam bekas yang kedap udara di bawah suhu 30°C. Elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

#### - Pelupusan

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang cara pelupusan.

### **Maklumat lanjut**

#### - Rupa dan warna produk

Gel legap seragam.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Erythromycin

Tretinoin

- Bahan tidak aktif

Poloxamer 407

Polyethylene Glycol 400

Propylene Glycol

Mentha Oil

Purified Water

#### - Nombor MAL

MAL20027001AZ

### **Pengilang**

**DAEHWHA PHARMACEUTICAL**

495, Hanu-ro, Hoengseong-eup,

Hoengseong-gun, Gangwon-do,

Republic of Korea

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

**THE ZYFAS MEDICAL CO.,**

No.15, Jalan Mega 1/5, Taman

Perindustrian Nusa Cemerlang,

79200 Iskandar Puteri, Johor,

Malaysia

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

01/04/2024

### **Nombor Siri**

NPRA(R2/1)221116/984